



PERATURAN

CAPAIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**PERATURAN CAPAIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DI UNIVERSITI TEKNIKAL
MALAYSIA MELAKA**

**SUSUNAN
PERATURAN**

Peraturan

1. Tujuan
2. Tafsiran dan Interpretasi
3. Skop
4. Syarat Capaian
5. Lain-Lain

PERATURAN CAPAIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1.0 TUJUAN

Tujuan Peraturan ini adalah untuk menerangkan kepada pengguna mengenai capaian kepada sumber-sumber ICT yang terdapat di UTeM. Semua capaian kepada komputer peribadi/*server/notebook*, rangkaian maklumat dan infrastruktur ICT UTeM adalah tidak dibenarkan kecuali setelah mendapat kebenaran atau kelulusan secara jelas dan nyata.

2.0 TAFSIRAN DAN INTERPRETASI

2.1 Dalam Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"ICT" ertinya *Information and Communication Technology*;

"pengguna" ertinya:-

- a) staf - mana-mana orang yang diambil kerja oleh UTeM sama ada secara tetap, kontrak, sementara, sambilan, dan termasuk seseorang yang berkhidmat di UTeM secara pinjaman; dan
- b) pelajar - seseorang yang mendaftar sesuatu program akademik (sama ada penuh atau separuh masa atau siswazah) di UTeM dan statusnya masih aktif.

"Peraturan" ertinya Peraturan Capaian Internet Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka;

"PPPK" ertinya Pusat perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi UTeM;

"UTeM" bermaksud Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

2.2 Interpretasi

- a) Mana-mana perkataan dalam bentuk tunggal adalah termasuk juga yang majmuk dan sebaliknya.
- b) Pada bila-bila masa Peraturan ini merujuk setiap hari dalam kalendar, apa-apa angka atau nombor tersebut hendaklah dirujuk kepada hari-hari dalam kalendar Gregorian.
- c) Tajuk-tajuk dan tajuk-tajuk kecil dalam Peraturan ini dimasukkan bertujuan untuk memudahkan rujukan sahaja dan tidak boleh dibuat pertimbangan dalam mentafsirkan Peraturan ini.
- d) Lampiran-lampiran yang dirujuk di dalam Peraturan ini (jika ada) hendaklah diambil, dianggap, dibaca dan ditafsirkan sebagai bahagian yang penting kepada Peraturan ini.

3.0 SKOP

Capaian kepada sumber ICT adalah merangkumi akaun pengguna, capaian kepada komputer peribadi, dan nod rangkaian serta alamat IP bagi penyambungan sesuatu komputer kepada rangkaian UTeM yang diberikan kepada pengguna dan sesiapa yang berkenaan bagi tujuan pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perundingan, pentadbiran dan apa-apa urusan rasmi yang berkaitan.

4.0 SYARAT CAPAIAN

- 4.1 Kemudahan capaian diberikan kepada pengguna secara individu dan pengguna tidak boleh memberi kemudahan tersebut kepada orang lain termasuk ahli keluarga, pelajar, atau kakitangan UTeM. Pengguna tidak dibenarkan berkongsi akaun, kata laluan, dan membenarkan komputer dan perisian digunakan oleh orang lain. Pengguna adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas semua capaian yang dibuat melalui akaunnya.
- 4.2 Capaian kepada sumber ICT UTeM adalah tertakluk kepada syarat-syarat tertentu bagi memastikan integriti, keselamatan (*security*) sumber-sumber tersebut terjaga dan juga kerahsiaan (*privacy*) serta perkongsian sumber yang saksama tercapai.
- 4.3 Pengguna yang menggunakan sumber-sumber ICT UTeM hendaklah menghormati hak intelek serta hak mencapai sumber-sumber yang sama dengan pengguna-pengguna yang lain. Pengguna tidak dibenarkan:-
 - a) menggunakan sumber ICT UTeM untuk mendapat atau cuba mendapat capaian tidak sah (*unauthorised*) kepada mana-mana sistem komputer samada di dalam atau di luar UTeM. Ini termasuk membantu, mendorong, menyembunyikan percubaan untuk mencapai sistem-sistem komputer tersebut atau mencapai sumber ICT UTeM dengan menggunakan identiti pengguna lain;
 - b) menggunakan sumber ICT UTeM untuk mencapai mana-mana perisian, fail teks, imej atau muzik atau apa jenis fail termasuk yang bersifat lucah, *abusive*, hasutan, *slanders*, *defamatory* atau yang melanggar (*violate*) undang-undang negara termasuk tetapi tidak terhad kepada mencapai dan menyebarkan muzik / video terhakcipta (dalam bentuk fail mp3, ra, rm, ram, mpeg, dsb), perisian komputer

serta teks dan imej yang terhakcipta, program-program komputer yang berbentuk pemusnah (seperti '*virus*', '*worm*', '*trojan*' atau '*back-door*');

- c) mencapai sumber ICT UTeM untuk menghantar mel elektronik yang berbentuk '*spam*' (penghantaran mel elektronik yang tidak diperlukan kepada ramai penerima), pengeboman mel elektronik (memenuhi kotak mel elektronik seseorang pengguna dengan mel elektronik yang bersaiz besar atau banyak), mel elektronik palsu (yang mana identiti penghantar dipalsukan atau disembunyikan), mel elektronik rantai (penghantaran mel elektronik yang mengandungi permintaan/desakan supaya mel elektronik tersebut disebarkan kepada lebih ramai penerima) dan mel elektronik yang berbentuk hasutan, lucah, gangguan seksual dan bersifat perkauman;
- d) mencapai atau mencuba mencapai sumber elektronik (data, paparan, *keystrokes*, fail atau media storan) dalam sebarang bentuk yang dimiliki oleh pengguna lain tanpa mendapat kebenaran/kelulusan pengguna terbabit terlebih dahulu. Ini termasuk membaca, menyalin, menukar, merosak atau memadam data, program dan perisian. Penggunaan penganalisis rangkaian (*network analyser*) atau pengintip (*sniffer*) adalah dilarang;
- e) menyambungkan alat/peranti elektronik/komputer (termasuk tetapi tidak terhad kepada komputer *desktop* atau *laptop* dan *hub* atau *switch* peribadi serta modem) ke rangkaian UTeM dengan tujuan untuk mendapat capaian kepada sumber-sumber ICT UTeM tanpa mendapat kebenaran/kelulusan bertulis daripada Pengarah PPPK. Kebenaran/kelulusan ini adalah bergantung kepada tahap piawai dan keselamatan untuk alat/peranti elektronik/komputer tersebut yang telah ditetapkan oleh UTeM;

- f) mencapai sumber ICT UTeM untuk tujuan komersial (melainkan kerja-kerja perundingan yang telah diberi kelulusan oleh UTeM) atau untuk mendapat keuntungan peribadi. Ini termasuk iklan-iklan komersial pada laman web dan pemasangan perisian untuk mendapatkan wang semasa melayari Internet (*earn money while you surf*) seperti *All Advantage* dan *Spedia*; dan
- 4.4 Pengguna hendaklah bertanggungjawab ke atas segala bayaran yang dikenakan bagi mencapai sesuatu perkhidmatan yang perlu dibayar (contohnya pangkalan data '*online*' komersial).
- 4.5 Pengguna digalakkan menggunakan sumber ICT UTeM dengan sebaik mungkin bagi memberi manfaat kepada misi dan matlamat UTeM dalam bidang pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perundingan dan pentadbiran.

5.0 LAIN-LAIN

- 5.1 Sebarang pelanggaran terhadap mana-mana atau keseluruhan peruntukan di dalam Peraturan ini boleh dikenakan mana-mana satu atau mana-mana gabungan dua atau lebih tindakan di bawah:-
- a) Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000 termasuklah apa-apa pindaan dan apa-apa perundangan subsidiari di bawahnya;
 - b) Kaedah-Kaedah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 termasuklah apa-apa pindaan dan apa-apa perundangan subsidiari di bawahnya;
 - c) Akta Rahsia Rasmi 1952; atau
 - d) mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

- 5.2 Peraturan ini adalah tertakluk kepada dasar, pekeling, surat pekeling, kaedah, peraturan, dan undang-undang lain yang berkaitan yang berkuat kuasa.
- 5.3 Peraturan ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak UTeM dari semasa ke semasa.